

30hb November 2018

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Audit Persijilan MSPO Bagi FGVP (M) Sdn Bhd - Kilang Kelapa Sawit Kerteh dan ladang sawit - Ketengah Jaya, Terengganu, Malaysia

FGVP (M) Sdn Bhd telah melantik BSI untuk melaksanakan audit pensijilan MSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Kerteh dan ladangnya. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Unit Pengurusan Kilang Kelapa Pasir Panjang	
Nama Kilang Sawit	Kilang Kelapa Sawit Kerteh
Kapasiti Kilang Sawit (mt/jam)	60mt/jam
Alamat	23309 Ketengah Jaya, Terengganu, Malaysia
Rujukan GPS (Kilang Sawit)	4° 37' 33" N; 103° 19' 55" E

Unit Pengurusan Ladang			
Nama Unit Pengurusan Ladang		Kerteh	
Ladang	Alamat	Rujukan GPS	Luas Ladang (ha)
FGVPM Semaring 01	23400 Dungun, Terengganu, Malaysia	4° 40' 20" N; 103° 02' 25" E	976.05
FASSB Kerteh	Jalan Kelubi, Ketengah Jaya, 23300 Dungun, Terengganu, Malaysia	4° 34' 29" N; 103° 19' 13" E	111.90
Jumlah Luas Ladang			1,087.95

BSI merancang untuk melakukan audit pensijilan Unit Pengurusan Kilang Kelapa Sawit Kerteh dan ladangnya pada 08 - 10/01/2019. Audit pensijilan akan diadakan menurut MSPO MS 2530-3:2013 – *General principles for oil palm plantations and organized smallholders* & MS 2530-4:2013 – *General principles for palm oil mills*.

Salinan standard boleh didapati secara atas talian di <http://www.msonline.gov.my/catalog.php>. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawai BSI adalah sebuah Badan Piawai Kebangsaan United Kingdom.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Kilang Kelapa Sawit Kerteh dan ladangnya terdiri daripada:

En. Mohd Hafiz Mat Hussain sebagai Ketua Juruaudit (Sosial & Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran, Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Aspek Alam Sekitar, Aspek Keselamatan & Kesihatan Pekerja, HCV, Aspek Undang-undang, Biodiversiti & Sosial) dan **En. Muhammad Fadzli Masran** sebagai Juruaudit (Aspek Alam Sekitar, Aspek Keselamatan & Kesihatan Pekerja, HCV & Aspek Undang-undang).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan. Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam Sekitar & Aspek Sosial
- Pelindungan Alam Sekitar
- Pemuliharaan Biodiversity
- Peluang Pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat
- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- *Free, Prior and Informed Consent*
- Hak kemunusiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak
- Cadangan untuk penambahbaikan
- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengurus Skim seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.

Atapun, pendapat dan pandangan anda boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Email:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Operasi

En. Nicholas Cheong
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Unit 10-03, Level 10, Tower A
The Vertical Business Suites
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur Malaysia
Fax : +603-2242 4218
Email : Nicholas.Cheong@bsigroup.com

DAN/ATAU

Auditee:

Mr. Norazam Abdul Hameed
Senior General Manager
Felda Global Ventures Plantation (M) Sdn Bhd
Level 20 West, Wisma FGV
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur Malaysia
Fax : +603-2789 0497
Email : Norazam.ah@feldaglobal.com

Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Customer-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.



...making excellence a habit.™

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,

.....
Nicholas Cheong
Pengurus Skim

